

## A B S T R A K

Tajuk kajian ini ialah " Doa dan zikir dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia (Kajian Kes di Daerah Besut, Terengganu)".  
Kajian ini bertujuan untuk memenuhi salah satu syarat bagi melayakkan penulis mendapat Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Akademi Islam , Universiti Malaya.

Selain dari itu, penulis juga berpeluang untuk membuat penyelidikan terhadap satu tajuk yang telah dicadangkan, dengan melakukan temuramah, mengumpulkan data, mentafsirkannya serta mencari beberapa kesimpulan daripadanya. Kesemua ini penting untuk memberi pengalaman kepada penulis dalam menangani sesuatu masalah atau persoalan hidup masyarakat.

Kajian ini juga membolehkan penulis untuk menambahkan pengalaman dalam usaha untuk meluaskan ilmu pengetahuan dan pengalaman sepanjang menduduki pengajian di Akademi Islam.Universiti Malaya . Ini menjadi pendorong dan bekalan utama penulis setelah tamat pengajian dan berkecimpung dalam masyarakat kelak.

Penulis telah membagikan kajian ini kepada lima bab. Kelima-lima bab berkenaan ialah bab Pendahuluan, yang pertama. Bab Kedua ialah Ibadah doa dan zikir;kaifiat dan kemakbulannya, bab Metodologi, bab Amalan Doa dan Zikir dan Kesannya bagi penduduk Islam daerah Besut dan bab terakhir ialah Penutup.

Dalam Bab Pertama, penulis menyentuh tentang latar belakang masalah, pengertian tajuk, tujuan penyelidikan, metodologi dari akhir sekali susunan penulisan.

Dalam Bab Kedua pula, penulis membincarakan tentang definisi ibadah, doa dan zikir, adab-adab melaksanakan kedua-duanya, fadhilat yang diperolehi daripadanya dan juga tentang kemakbulan doa.

Manakala dalam Bab Ketiga, penulis menghuraikan tentang metodologi yang telah digunakan dalam usaha penyelidikan dan penulisan kertas projek ini.

Seterusnya dalam Bab Keempat, penulis membentangkan tentang pemahaman penduduk daerah Besut terhadap pengamalan doa dan zikir da-

lam kehidupan sehari-hari mereka. Ianya meliputi sebab-sebab kedua-dua ibadah ini dilakukan, cara-cara mengamalkannya, kepentingannya, keberkesanannya dan kesinambungan kedua-dua ibadah ini dalam kehidupan berkeluarga di kalangan masyarakat Islam daerah Besut.

Bab akhir merupakan bab penutup, terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama, penulis mengemukakan kesimpulan, yang merupakan rangkuman dari keseluruhan bab dan bahagian kedua, penulis mengajukan beberapa saranan yang difikirkan perlu, untuk perhatian pihak-pihak yang telah disebutkan.

Melalui kajian ini, penulis mengharapkan dapat memberi sumbangan dalam membantu semua pihak ke arah mewujudkan sebuah generasi Islam yang sebenarnya. Semoga akan wujud pula kajian-kajian lain, yang lebih mendalam dan ditil, tentang tajuk ini, untuk membantu menyempurnakan usaha murni ini.

Imi Raihanah Bt Hashim